



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 25 November 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN

KPDN buka bilik gerakan di negeri terjejas banjir

KUALA LUMPUR - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) membuka bilik gerakan bagi memastikan bekalan makanan mencukupi di negeri yang terjejas banjir sepanjang musim tengkujuh.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Dr Fuziah Salleh berkata, bilik gerakan yang mula beroperasi pada Selasa dibuka di Pulau Pinang, Perlis, Kedah,

Terengganu, dan Kelantan.

Bagaimanapun katanya, setakat ini tiada lokasi terlibat banjir dilaporkan mengalami gangguan bekalan makanan.

"Di negeri-negeri yang terkesan, kita ada bilik gerakan untuk memantau jika bekalan terputus di mana-mana lokasi. Contohnya, jika barang keperluan asas seperti gula dan minyak habis, bilik gerakan akan memastikan bekalan itu sampai ke kawasan terjejas," katanya. - *Bernama*

Stok barangan kawalan ditambah

Kuala Lumpur: Tiada negeri berhadapan masalah bekalan keperluan asas susulan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) membenarkan penambahan simpanan stok barangan kawalan sepanjang Musim Monsoon Timur Laut (MTL).

Timbalan Menteri, Datuk Dr Fuziah Salleh, berkata sejak 1 November lalu sebanyak 2,102 pemborong, pengilang dan peruncit diberikan lesen atau permit untuk menyimpan bekalan sebanyak 30 peratus lebih daripada lesen yang mereka dibenarkan.

Katanya, ia bertujuan sebagai persediaan menghadapi kawasan yang mungkin terkena bencana untuk bersedia berhadapan dengan bekalan supra-

ya tidak terputus.

“Jadi ini sudah pun berjalan dan saya dimaklumkan bahawa kita sudah pun membuka bilik gerakan serta merta bagi negeri-negeri yang terkesan.

“Jadi negeri-negeri yang terkesan itu kita ada bilik gerakan supaya untuk kita tahu kalau terputus bekalan di mana-mana tempat.

“Contohnya kalau terputus barang asas seperti gula, minyak dan sebagainya itu, bilik gerakan kita akan pastikan bahawa barang-barang keperluan itu sampai ke tempat-tempat yang terjejas,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Persidangan E-Dagang ASEAN 2025 di sini, semalam.

Hanya 30% rakyat Malaysia guna barangan berjenama

Kuala Lumpur: Hanya 30 peratus pengguna di Malaysia memilih barangan berjenama dan berkualiti, manakala bakinya lebih gemar memilih barangan murah serta tidak berkualiti.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Dr Fuziah Salleh berkata, peratusan itu sangat rendah berbanding negara lain yang mana barangan berjenama dan berkualiti mempengaruhi

ruhi pasaran mereka.

“Pengguna di Malaysia masih memilih barangan yang murah tanpa melihat kepada kualiti ataupun keselamatan, kadang-kadang hanya tengok harga sahaja.

“Di pasaran lain, barang-barang yang ada jenama itu mempengaruhi dalam 80 peratus daripada pasaran berbanding dengan Malaysia,” katanya dalam sidang media selepas merasmikan Persidangan E-Dagang ASEAN

2025 di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Setiausaha KPDN, Datuk Seri Mohd Sayuthi Bakar dan Presiden Dewan Perniagaan dan Perindustrian Antarabangsa Malaysia (MI-CCI), Christina Tee.

Dr Fuziah berkata, Kementerian sedang mempergiatkan usaha memberi kesedaran pengguna supaya membuat pilihan yang bijak.

“Ini bukan berkenaan persaingan, tetapi kesedaran pengguna,” katanya.

KPDN sets up operations rooms in flood-hit states to safeguard sufficient food supply

KUALA LUMPUR: The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) has set up operations rooms to ensure sufficient food supplies in flood-hit states during the monsoon season.

Deputy Minister Datuk Dr Fuziah Salleh said the operations rooms in Penang, Perlis, Kedah, Terengganu and Kelantan were activated yesterday, adding that none of the locations had reported food supply cuts.

"So, any states that are affected, we have set up operations rooms to know if their food supplies have been cut.

"For example, if the supply of essentials like sugar and milk is cut, the operations room will ensure such necessities reach the affected areas," she told a media conference after the Asean E-Commerce Conference 2025 here.

She said preparations have been made with 2,102 selected wholesalers, retailers and manufacturers nationwide being allowed to increase food supply storage by up to 30 per cent starting early this month until the end of the monsoon season.

— Bernama

KPDN buka bilik gerakan di negeri terjejas banjir

KUALALUMPUR: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah membuka bilik gerakan bagi memastikan bekalan makanan mencukupi di negeri-negeri yang terjejas banjir sepanjang musim tengkujuh.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Dr Fuziah Salleh berkata, bilik gerakan yang mula beroperasi semalam dibuka di Pulau Pinang, Perlis, Kedah, Terengganu, dan Kelantan, dan setakat ini tiada lokasi terlibat yang dilaporkan mengalami gangguan bekalan makanan.

“Di negeri-negeri yang terkesan, kita ada bilik gerakan untuk memantau jika bekalan terputus di mana-mana lokasi. Contohnya, jika barang keperluan asas seperti gula dan minyak habis, bilik gerakan akan memastikan bekalan itu sampai ke kawasan terjejas,” katanya pada sidang media selepas Persidangan E-Dagang ASEAN 2025 di sini semalam.

Beliau berkata, persiapan telah dilakukan dengan melibatkan 2,102 pemborong, peruncit, dan pengilang terpilih di seluruh negara, yang dibenarkan menambah simpanan bekalan makanan sehingga 30 peratus

bermula awal bulan ini sehingga akhir musim tengkujuh.

Jumlah mangsa banjir di tujuh negeri setakat 8 pagi ini meningkat kepada 10,922 orang, dengan Kelantan merekodkan angka tertinggi iaitu 8,248 orang daripada 3,022 keluarga yang ditempatkan di 33 pusat pemindahan sementara (PPS).

Pulau Pinang, Perlis, dan Perak turut mencatat peningkatan jumlah mangsa, manakala di Kedah dan Terengganu menurun. Selangor pula menjadi negeri terbaharu yang terjejas akibat banjir.
— Bernama



UNTUK KENANGAN: Fuziah (depan, tiga kiri) bergambar bersama peserta pada Majlis Pembukaan ASEAN E-Commerce Conference di Grand Hyatt Kuala Lumpur, semalam. Turut sama, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Seri Mohd Sayuthi Bakar (depan, dua kiri) dan Presiden Malaysian International Chamber of Commerce and Industry (MICCI) Christina Tee (depan, kanan). — Gambar Bernama



森苏丁，祖乃达与官员们巡视巴刹，与摊主交流



森苏丁主持合规市场计划启动仪式，祖乃达与官员代表见证

纳闽《合规市场计划》推介礼 推动更透明更诚信营运环境

《本报纳闽 24 日讯》纳闽《合规市场计划》推介礼于纳闽城市转型中心 (UTC) 中央市场举行，由纳闽机构副主席森苏丁主持，纳闽国内贸易及生活成本部总监祖乃达、州执法主任阿米鲁丁及一众执法官员共同出席。

该计划由国内贸易及生活成本部推出，核心目标是规范公共市场经营，确

保商贩守法合规、公平竞争，同时维护消费者权益。计划重点推动价格标签清晰化、秤量工具精准化，并打造整洁有序的市场环境，首年将以“合中转区”及“合规市场”为试点，从各州选定一座公共市场率先实施，后续逐步推广至全国。

作为跨机构战略合作项目，纳闽层

面已联合地方政府、卫生部、渔业发展局等多部门及小贩协会，强化宣传、监督与执法效能。此外，计划还兼具消费者教育功能，旨在提升公众对诚信经营的认知。公众及商贩可通过多个官方渠道咨询或投诉：WhatsApp (019-848 8000)、投诉门户 (e-aduan.kpdn.gov.my)、电邮 (e-aduan@kpdn.gov.my)、Ez ADU KPDN 应用程序，或亲临纳闽 KPDN 办公室、拨打行动室热线 (087-423 209)。该计划有望成为国家贸易环境转型的催化剂，推动市场迈向更诚信、透明的消费者为本新时代。(001)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

(八打灵再也24日讯) 公众投诉外籍人士在秋杰路一带批发商场泛滥及违规做生意, 移民局今日联合多个执法单位展开雷霆突击行动, 逮捕124名非法外籍人士, 现场揪出商业违规行为, 开出数十张罚单。

部分被捕者声称是来隆市度假或购物, 但移民局相信只是为了逃避执法的借口。

发数十商业违规罚单

吉隆坡移民局局长旺莫哈末苏比指出, 当局接获公众投报后, 于今日中午12时30分至下午2时展开执法行动, 检查了205人, 并逮捕124名年龄介于20至29岁的外籍人士, 包括59名巴基斯坦人、37名孟加拉人、12名印尼人、10名缅甸人、5名印度人及1名泰国人。

多人滥用工作准证

旺莫哈末苏比指出, 初步调查发现, 有多人涉嫌滥用工作准证, 而且工作住址是吉隆坡以外州属, 如吉兰丹、柔佛、马六甲及檳城。

当局将进一步调查, 并对聘用非法外籍员工的雇主采取行动。

他补充, 吉隆坡市政局也参与这项联合取缔行动, 并开出了6张罚单, 并勒令数家无执照营业及聘用外籍员工的店铺关

突擊秋傑路批發商場 移民局捕124非法外勞



移民局执法人员在秋杰路批发商场展开联合突击行动, 对店内外籍人士进行检查。(马新社图)



移民局在行动中逮捕了124名非法外劳。(马新社图)

闭。

国内贸易及生活费部官员也对未展示商品价格标签的商家开出了7张罚单, 总额6500令吉。

与此同时, 马来西亚公司委员会(SSM)企业合规组主任诺阿兹玛表示, 他

们调查了115家商铺, 发现了25项违反1956年商业注册法令及2016年公司法令的行为。

她表示, 最主要的问题是业者未在店面及收据上展示商品名称, 每项违规可被罚款500至30000令吉不等。

OPERASI JIM DI CHOW KIT

Warga Pakistan tunjuk kad UNHCR luput tarik

Kuala Lumpur: Laluan tangga kecemasan sebuah pusat beli-belah bertukar 'lalu meloloskan diri' apabila puluhan warga asing panik dan cuba melarikan diri termasuk berlakon menjadi pelanggan premis dalam operasi bersepadu Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Kuala Lumpur bersama agensi sahabat di sini, semalam.

Wartawan Harian Metro yang mengikuti operasi terbabit bermula jam 12 tengah hari hingga 1.45 petang selepas kawasan GM Plaza, Lorong Haji Taib di sini dikenal pasti sering menjadi tumpuan warga asing tanpa dokumen.

Tinjau ketika operasi terbabit mendapat ada warga asing yang berpura-pura menjadi pelanggan dan duduk di premis seolah-olah sebagai pengunjung sambil membe-

lek barangan dijual untuk mengaburi pemeriksaan.

Sebahagian lagi menyorok di premis, selain cuba menjarakkan diri seolah-olah pelanggan biasa.

Ketika pemeriksaan dijalankan pihak berkuasa, ramai warga asing cuba menyelindung melalui laluan kecemasan termasuk menggunakan lif sebaik menyedari kehadiran penguat kuasa.

Serban dijalankan JIM Kuala Lumpur itu, dilaksanakan di bawah operasi KL Strike Force (KSF) dengan kerjasama Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Kuala Lumpur (KPDNKL) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Dalam operasi itu, seorang lelaki Pakistan, Munir, 47, ditahan ketika cuba

memberikan kad Suruhanjaya Tinggi Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu Untuk Pelarian (UNHCR) tamat tempoh.

Semakan mendapati kad berkenaan luput sejak Oktober tahun lalu.

Munir mendakwa sudah enam tahun tinggal di Malaysia bersama lapan ahli keluarga di Setapak.

"Tolong lepaskan saya, saya ada dokumen ini (kad UNHCR), keluarga saya sedang sakit. Saya datang sini hanya mahu beli beg ke Kanada bulan depan," katanya ketika ditemui Harian Metro di sini, semalam.

Dia mendakwa sudah menjalani pemeriksaan kesihatan ke Kanada.

Turut ditahan, warga Myanmar, Kamid, 22, gagal menunjukkan dokumen sah tinggal tinggal di Malaysia.



OPERASI bersepadu menyaksikan penahanan 124 pendatang asing yang dipercayai memonopoli premis perniagaan di GM Plaza, Lorong Haji Taib, Kuala Lumpur.

"Pasport dan visa saya tinggal di rumah, lupa bawa. Saya datang sini mahu jalan-jalan saja," katanya.

Menurutnya, dia mengaku baru tiba tiga bulan di Malaysia dan membayar lebih RM6,000 kepada ejen sebelum masuk ke negara

ini dan masih menganggur.

Tindakan susulan akan diambil mengikut kesalahan masing-masing selepas semua premis dan individu selesai diperiksa.

Terdahulu Harian Metro melaporkan, lambakan ba-

rangan tiruan dijual secara terbuka peniaga dipercayai warga asing terus berleluasa apabila mereka tanpa segan silu menawarkan pakaian berjenama, kosmetik dan peralatan elektronik dengan harga jauh lebih murah.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN

BERITA ONLINE BERTARIKH 25 NOVEMBER 2025

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
25-Nov	ASEAN tetapkan tiga hala tuju strategik untuk industri e-dagang	https://www.tvsarawak.my/2025/11/24/asean-tetapkan-tiga-hala-tuju-strategik-untuk-industri-e-dagang/	TVS
25-Nov	ASEAN tetapkan tiga hala tuju strategik untuk industri e-dagang	https://www.tvsarawak.my/2025/11/24/asean-tetapkan-tiga-hala-tuju-strategik-untuk-industri-e-dagang/	TV SARAWAK
25-Nov	Banjir: Bekalan keperluan asas tidak terjejas - KPDN	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/11/1475730/banjir-bekalan-keperluan-asas-tidak-terjejas-kpdn	BERITA HARIAN
25-Nov	KPDN Sets Up Operations Rooms In Flood-hit States To Ensure Sufficient Food Supply	https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2494489	BERNAMA
25-Nov	KPDN BUKA BILIK GERAKAN DI NEGERI TERJEJAS BANJIR, PASTIKAN BEKALAN MAKANAN MENCUKUPI	https://bernama.com/bm/am/news.php?id=2494493	BERNAMA
25-Nov	Banjir: Bekalan keperluan asas cukup - Fuziah	https://api.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1291501/banjir-bekalan-keperluan-asas-cukup-fuziah	HARIAN METRO
25-Nov	KPDN lulus 2,102 permit stok tambahan hadapi musim banjir	https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-lulus-2102-permit-stok-tambahan-hadapi-musim-banjir/	TV3
25-Nov	KPDN buka bilik gerakan di negeri terjejas banjir pastikan bekalan makanan	https://thesun.my/berita/tempatan/kpdn-buka-bilik-gerakan-di-negeri-terjejas-banjir-pastikan-bekalan-makanan/	THE SUN'

25-Nov	KPDN: No shortage of essential goods in flood-hit states	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/11/1321754/kpdn-no-shortage-essential-goods-flood-hit-states	NST
25-Nov	KPDN activates operations rooms in flood-hit states	https://thesun.my/news/malaysia-news/people-issues/kpdn-activates-operations-rooms-in-flood-hit-states/	THE SUN
25-Nov	Hanya 30 peratus pengguna Malaysia pilih barangan berjenama dan berkualiti	https://api.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1291556/hanya-30-peratus-pengguna-malaysia-pilih-barangan-berjenama-dan-berkualiti	HARIAN METRO
25-Nov	14 stesen minyak di Kelantan jadi 'port' penyeludup isi petrol	https://www.kosmo.com.my/2025/11/24/14-stesen-minyak-di-kelantan-jadi-port-penyeludup-isi-petrol/	KOSMO
25-Nov	Tiga hala tuju pacu masa depan e-dagang ASEAN	https://www.kosmo.com.my/2025/11/24/tiga-hala-tuju-pacu-masa-depan-e-dagang-asean/	KOSMO
25-Nov	ASEAN sepakat perkasa ekosistem e-dagang menjelang 2030	https://malaysiabangkit.com/asean-sepakat-perkasa-ekosistem-e-dagang-menjelang-2030/	MALAYSIA BANGKIT
25-Nov	Asean agrees to strengthen transparent, inclusive e-commerce ecosystem by 2030	https://www.thestar.com.my/business/business-news/2025/11/24/asean-agrees-to-strengthen-transparent-inclusive-e-commerce-ecosystem-by-2030	THE STAR

25-Nov	面对中企电商抢滩 内贸部:商家须避价格战	https://www.enanyang.my/news/20251124/Finance/1079654	E NANYANG
25-Nov	KPDN buka bilik gerakan di negeri terjejas banjir	https://www.astroawani.com/video/video-terkini-x7sio1/kpdn-buka-bilik-gerakan-di-negeri-terjejas-banjir-x9ubt50	ASTRO AWANI